



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA TAHUN 2021**

Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tahun 2021 akan dilaksanakan pada **5 April hingga 14 April 2022**. Seramai **5,089** calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan STAM tahun 2021 di **132** pusat peperiksaan di seluruh negara. Bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan ini, seramai **1,038** petugas peperiksaan telah dilantik.

LP ingin mengingatkan semua calon peperiksaan STAM tahun 2021 untuk merujuk jadual waktu peperiksaan bagi mendapatkan maklumat mengenai tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan, serta arahan yang perlu dipatuhi semasa peperiksaan berlangsung. Jadual waktu peperiksaan STAM tahun 2021 boleh dimuat turun dari portal rasmi LP di <http://lp.moe.gov.my>

Calon diingatkan supaya membawa **dokumen pengenalan diri** dan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** ke pusat peperiksaan. Calon juga hendaklah mematuhi **Garis Panduan Pengurusan Pentaksiran Pusat dan Peperiksaan Awam** yang terkandung dalam **Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0** yang dikeluarkan oleh KPM serta prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh Majlis

Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Ketetapan ini adalah bagi memastikan kelancaran pengurusan peperiksaan dan pencegahan penularan wabak COVID-19. Garis panduan tersebut boleh dimuat turun dari portal rasmi KPM di <https://www.moe.gov.my>

- TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
30 MAC 2022**